



مجلس قريندران كوتبهارو بندري اسلام
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM
JALAN HOSPITAL
15000 KOTA BHARU
KELANTAN DARUL NAIM
<http://www.mpkb.gov.my>

Tel: Yang Dipertua
Tel: Setiausaha
Tel: Pejabat

609-7453333
609-7453792
609-7453209
609-7453045
609-7459944
609-7453344
609-7439258
609-7486026

No. Fax

No. Rujukan : MPKB-BRI(P) 30/01/JLD.7/(27)
Bertarikh : 15 Rejab 1446H
15 Januari 2025

PEMBERITAHUAN

TAWARAN PAJAKAN DAN PENGANJURAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2025M/1446H

1. Tawaran adalah dipelawa daripada orang ramai untuk pajakan tersebut di bawah ini bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada 29 hari bermula **02 Mac 2025** hingga **30 Mac 2025**.

BIL	NAMA PAJAKAN	BILANGAN TAPAK	NO. PAJAKAN
1.	Bazar Ramadan Belakang KB Mall	20	3/2025

2. Penawar-penawar hendaklah mempunyai kemampuan atau bersedia untuk membayar deposit cagaran.
3. Borang tawaran serta dokumen mengandungi syarat-syarat tawaran boleh diperolehi secara online dengan melayari website <http://myserve.mpkb.gov.my> dengan bayaran sebanyak **RM 50.00** dan tidak dikembalikan. Borang tawaran dan dokumen boleh didapati mulai hari **ISNIN, 20 JANUARI 2025**.
4. Tawaran ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang ditempatkan di **BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT SATU, BLOK A, KOMPLEKS MPKB-BRI, JALAN DOKTOR, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN**. Tawaran akan ditutup pada jam **12.00 TENGAHARI, 02 FEBRUARI 2025**. Tawaran yang diterima selepas daripada tarikh dan masa yang tersebut di atas tidak akan dilayan.

Saya yang menandatangani amanah,

(HAJI FAIZUL AZWAN BIN YAACOB)
Pengarah Pelesenan Dan Kawalan Perniagaan
b.p. Setiausaha
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

TAWARAN PAJAKAN BAZAR RAMADAN BELAKANG KB MALL

TAHUN 2025M / 1446H

1.0. TAWARAN

- 1.1. Tawaran adalah dipelawa daripada orang ramai untuk memajak dan menganjur Bazar Ramadan Belakang KB Mall Tahun 2025M / 1446H bagi tempoh tidak kurang daripada 29 hari bermula **02 Mac 2025 hingga 30 Mac 2025.**
- 1.2. Penawar hendaklah menawarkan harga pajakan. Harga tawaran itu hendaklah dikemukakan melalui borang tawaran yang disediakan berkembar.
- 1.3. Waktu perniagaan Bazar Bazar Ramadan ini beroperasi pada setiap hari sepanjang bulan Ramadan mulai jam 3.00 petang hingga 8.00 malam sahaja.
- 1.4. Penawar yang ingin memasuki tawaran pajakan ini dikehendaki mendapatkan Borang Tawaran pajakan secara atas talian (online) dengan melayari website <http://myserve.mpkb.gov.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja MPKB-BRI dengan bayaran berjumlah RM50.00 dan tidak dikembalikan. Borang tersebut boleh didapati mulai **20 Januari 2025.**
- 1.5. Borang tawaran yang diisi lengkap berserta dengan resit pembelian dokumen tender hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bermeteri serta ditanda di atasnya dengan perkataan **"TAWARAN PAJAKAN BAZAR RAMADAN BELAKANG KB MALL 2025M / 1446H NO. 3/2025"** dan dimasukkan ke dalam peti tender yang disediakan di Bahagian Perolehan MPKB-BRI sebelum atau pada **20 Januari 2025** dan tidak lewat daripada

jam 12.00 tengahari pada **02 Februari 2025**. Tawaran yang diterima selepas daripada tarikh dan masa tersebut tidak akan dilayan.

- 1.6. **Harga pajakan minima ialah RM5,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja)**

2.0. SYARAT-SYARAT TAWARAN

Syarat-syarat tawaran penganjuran bagi Bazar Ramadan dalam kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) adalah sebagaimana berikut :-

- 3.1. Pemohon hendaklah memenuhi kriteria sebagai penganjur.
- 3.2 Pemohon perlu mengemukakan surat permohonan dan dilampirkan dengan lengkap dan sempurna maklumat-maklumat berikut :-
 - 3.2.1 Salinan Kad Pengenalan
 - 3.2.2 Salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- 3.3 Bertanggungjawab memastikan semua peniaga yang berniaga di kawasan selian penganjur mempunyai lesen MPKB-BRI yang sah.
- 3.4 Memastikan semua peniaga yang menjual makanan dan minuman **DIWAJIBKAN** mempunyai Kad Pengendali Makanan yang dikeluarkan oleh MPKB-BRI.
- 3.5 Penganjur adalah bertanggungjawab membersihkan/mencuci segala sampah sarap dan kotoran-kotoran yang ada dalam kawasan lokasi penganjuran termasuk parit dan longkang sebaik sahaja perniagaan tamat tiap-tiap hari. Sekiranya kerja-kerja

kebersihan tidak dijalankan dengan memuaskan, pihak MPKB-BRI akan mengambil alih kerja-kerja tersebut dan segala kos dan perbelanjaan mengenainya akan dikenakan ke atas penganjur dan penganjur akan dikenakan tindakan kompaun serta disenaraihitamkan.

- 3.6 Penganjur hendaklah membersihkan tapak penganjuran dalam tempoh 2 jam selepas aktiviti perniagaan tamat.
- 3.7 Memastikan peniaga menyediakan tong sampah dan berkarung plastik di gerai masing-masing.
- 3.8 Pemajak dikehendaki menyediakan secukupnya tong sampah 240 liter untuk diisi dengan sampah yang dikutip.
- 3.9 Memastikan pembersihan tapak dan pembuangan/pelupusan sampah dilaksanakan sepenuhnya pada pagi hari raya pertama (1 syawal) sebelum jam 4.00 pagi.
- 3.10 Pastikan peniaga berniaga dalam petak yang dikhaskan sahaja.
- 3.11 Peniaga atau pembantu warga asing adalah TIDAK DIBENARKAN.
- 3.12 Memastikan peniaga berhenti menjalankan aktiviti perniagaan 10 minit sebelum masuk waktu Maghrib dan 10 minit selepas waktu maghrib untuk mengerjakan solat Fardhu Maghrib berjemaah. Urusniaga boleh disambung semula selepas selesai solat Fardhu Maghrib.
- 3.13 Pemajak hendaklah menanggung sendiri segala caruman wang simpanan pekerja (KWSP), insuran keselamatan pekerja dan apa-apa bayaran yang dikehendaki oleh undang-undang mengenai pekerja atau orang yang digajinya.

4.0 LOKASI KAWASAN PAJAKAN

4.1 Lokasi kawasan pajakan adalah sepertimana Lampiran 1

5.0 BILANGAN PETAK/PENJUAL

5.1 Penganjur hendaklah mengemukakan bilangan petak/gerai dan senarai nama peniaga di bawah seliaan penganjur sebelum memulakan Bazar Ramadan

6.0 BAYARAN LESEN

6.1 Kadar bayaran permit Bazar Ramadan adalah sebanyak RM110 bagi setiap petak perniagaan.

6.2 Penganjur hendaklah membayar permit sebagaimana permohonan petak/gerai yang telah dikemukakan oleh MPKB-BRI sebelum 29 Februari 2025.

7.0 DEPOSIT CAGARAN

7.1 Penganjur hendaklah bersedia dan mampu atau mempunyai kemudahan untuk membayar wang deposit cagaran dengan kadar RM1,000.00 (Ringgit Malaysia :Satu Ribu Ringgit Sahaja).

7.2 Wang deposit cagaran hendaklah dibayar sebelum 29 Februari 2025. Sekiranya pihak MPKB-BRI tidak menerima bayaran ini sebelum tarikh tersebut, pihak MPKB-BRI menganggap pihak penganjur yang berjaya tidak berminat dan pihak MPKB-BRI akan menawarkan kepada pihak lain.

7.3 Wang deposit cagaran akan dikembalikan selepas tamat penganjuran Bazar Ramadan dan tiada sebarang pelanggaran syarat yang telah ditetapkan oleh MPKB-BRI.

8.0 TAWARAN PENGANJURAN YANG DILULUSKAN

8.1 Pihak MPKB-BRI akan menghantar surat kelulusan kepada pemohon.

8.2 Penganjur hendaklah menandatangani surat setuju terima tawaran penganjuran dan mengembalikan dalam tempoh tiga (3) hari dari surat kelulusan.

8.3 Sekiranya didapati penganjur GAGAL dalam melaksanakan tanggungjawab di atas, kebenaran untuk menganjurkan Bazar Ramadan tersebut boleh **DITARIK BALIK/DIBATALKAN**. Segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan. MPKB-BRI juga boleh mengambil tindakan yang sesuai jika perlu.

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI FAIZUL AZWAN BIN YAACOB)

Pengarah Pelesenan Dan Kawalan Perniagaan

b.p. Setiausaha

Majlis Perbandaran Kota Bharu

Bandar Raya Islam

Bertarikh : 03 Disember 2024



مجلس قرييندازن كوتبهارو بندر اي اسلام

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

BORANG TAWARAN

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kota Bharu
Bandar Raya Islam

Tuan,

**TAWARAN PAJAKAN BAZAR RAMADAN BELAKANG KB MALL
PAJAKAN NO. : 3/2025**

Saya / kami menawarkan pajakan RM _____ sebulan
(Ringgit Malaysia : _____)

2. Bersama-sama ini dikembarkan :-
 - 2.1 Resit Pembelian Borang Tawaran bernilai RM 50.00
 - 2.2 Satu salinan kad pengenalan
 - 2.3 Satu salinan pendaftaran Syarikat/Perniagaan mengikut Akta Pendaftaran Syarikat (SSM)
 - 2.4 Pelan Lokasi Dan Pelan Susun Atur

Yang benar,

.....
(Tandatangan)

Nama :

No. K/P :

Alamat :

.....

.....

No.Telefon :

Bertarikh :

Nota : Borang ini hendaklah dihantar bersama dokumen sepertimana berikut :-

- Resit Pembelian Borang Tawaran
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Pelan Lokasi Dan Pelan Susun Atur

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....
Saya, Nombor K.P..... yang mewakili
..... nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam atau di atas.
Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

LOKASI PAJAKAN BAZAR RAMADAN BELAKANG KB MALL

